

23/08/2002

Kampus pemangkin kemajuan Nilai, Labu

BANDAR BARU NILAI, Khamis - Kerajaan negeri yakin pembinaan kampus tetap Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) di sini akan menjadi pemangkin pembangunan lebih pesat kawasan Nilai dan Labu.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata ini kerana projek raksasa memberi kesan limpahan ekonomi di kawasan itu dan sekitarnya.

Katanya, Bandar Baru Nilai dengan keluasan kira-kira 2,500 hektar dirancang rapi untuk menempatkan kawasan kediaman, komersial dan pusat pengajian pendidikan tinggi.

Selain Kuim, antara institusi pengajian tinggi swasta terkemuka di sini ialah Kolej Inti dan Kolej Nilai.

"Satu lagi kawasan yang sedang dimajukan anak syarikat Lembaga Tabung Haji ialah Enstek di Labu dengan keluasan kira-kira 2,000 hektar.

"Oleh itu, agensi Kerajaan Pusat yang hendak mencari tanah untuk menempatkan projek boleh datang ke Enstek," katanya pada majlis pecah tanah kampus tetap Kuim, di sini hari ini.

Perasmian dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kampus tetap Kuim seluas 188 hektar dijangka siap sepenuhnya pada 2010 dengan 10,000 pelajar.

Mohd Isa berkata, kawasan Nilai dan Labu mempunyai kelebihan strategik kerana berdekatan Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Sementara itu, beliau membidas pihak yang mengaku pakar Islam tetapi bercakap sebaliknya.

"Lebih malang ialah ada pakar Islam tidak berani menyanggah pandangan pihak terbabit yang sebenarnya boleh mengelirukan sesetengah umat Islam negara ini.

"Keadaan ini tidak boleh dibiarkan dan pakar Islam lain perlu membetulkan pandangan serong itu bagi mengelakkan masyarakat Islam negara ini menjadi kacau bilau," katanya.